

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

16. Senaraikan dengan terperinci semua permohonan perancangan pembangunan di KADUN Sungai Pinang sejak 2008 sehingga kini.
- (a) Senaraikan nama pemaju, nama projek, jenis pembangunan, ketinggian, bilangan unit, nombor lot dan lokasi pembangunan serta status pembangunan terkini.
  - (b) Apakah impaknya kepada sosial, trafik dan alam sekitar di sekitarnya? Huraikan.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Senarai semua projek pembangunan di KADUN Sungai Pinang yang diberikan kelulusan Kebenaran Merancang oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sejak 2008 sehingga kini adalah berjumlah 27 projek dan permohonan Pelan Bangunan yang diluluskan adalah berjumlah 47 projek. Butir kedua-dua kelulusan ini akan diemel kepada Yang Berhormat oleh Bahagian Kerajaan Tempatan.

- (b) Pihak MBPP mempertimbangkan setiap Permohonan Merancang yang dikemukakan berdasarkan laporan *Traffic Impact Assessment* (TIA), laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan lain-lain kehendak yang dikemukakan secara serentak untuk semakan dan kelulusan jabatan-jabatan teknikal MBPP. Penilaian yang dijalankan oleh pihak MBPP adalah bertujuan untuk memastikan impak negatif ke atas kawasan persekitaran terus berada pada tahap yang terkawal. Selain daripada itu, pihak MBPP juga mengenakan syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang yang wajar untuk mengurangkan impak negatif yang boleh memberi kesan dari segi sosial, trafik dan alam sekitar di sekeliling tapak pemajuan.